

# Gaji tak kompetitif punca profesional ke luar negara'

UM - 9 JUL 2003

**K**UALA LUMPUR 8 Julai — Golongan profesional Malaysia yang pulang untuk berkhidmat di negara ini, kembali semula untuk bekerja di luar negara disebabkan gaji yang ditawarkan di sini tidak kompetitif.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Fong Chan Onn berkata, semasa skim itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 1 Januari 2000 ramai golongan profesional Malaysia menunjukkan minat.

"Saya pun hairan juga kerana permohonan untuk kembali bekerja di negara ini banyak, tapi selepas balik ke Malaysia dan bila mereka bandingkan gaji, mereka buat keputusan untuk pulang

semula ke luar negara," katanya.

Bbliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Senator Datuk Dr. Chin Fook Weng** pada persidangan Dewan Negara di sini hari ini.

Menjawab soalan asal


**Senator Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng**, beliau memberitahu, sehingga Jun tahun ini sebanyak 116 pakar rakyat negara ini yang berkerja di luar negara telah kembali ke negara ini.

Menurutnya, sejak skim itu diperkenalkan oleh kerajaan sebanyak 554 permohonan telah diterima dan 208 permohonan telah diluluskan.

Jelas beliau, golongan profesional itu sebelum ini kebanyakan bekerja di Amerika Syarikat, Australia, Singapura, Brunei dan United Kingdom.

"Manakala bidang kepakaran mereka termasuk perakaunan dan kewangan, teknologi maklumat, perubatan dan kesihatan, serta sains dan teknologi.

"Setiap permohonan



Laporan HATA WAHARI

akan diluluskan dalam tempoh dua bulan sekiranya semua maklumat yang dibekalkan mencukupi manakala permohonan yang memerlukan maklumat tambahan akan diluluskan dalam tempoh empat hingga enam bulan," katanya.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh **Senator Datuk Yaakob Mohammed** mengenai tindakan kerajaan yang tidak menghalang rakyat negara ini bekerja di luar negara, Chan Onn memberitahu, kerajaan membenarkannya bagi membolehkan rakyat negara ini mendapatkan pengalaman dan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu.

Ujarnya, antara bidang yang digalakkan ialah perubatan, teknologi tinggi dan kejuruteraan.

"Apabila mereka telah mendapat pengalaman dan kemahiran yang diperlukan, kerajaan akan menjemput golongan profesional tersebut kembali dan bekerja di negara ini dengan insentif-insentif yang baik," katanya.